

TEKS UCAPAN

**YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**PELANCARAN KEMPEN AEON 626 melalui myaeon.com.my –
TRANSFORMASI DIGITAL AEON**

PADA

18 JUN 2020 (KHAMIS)

TEMPAT

**RUANG LEGAR, PUSAT MEMBELI-BELAH AEON,
TAMAN MALURI, CHERAS, KUALA LUMPUR**

Salam sejahtera

SALUTASI

Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad,
Ketua Setiausaha, KPDNHEP

Yang Berusaha Encik Shafie Shamsuddin,
Ketua Pegawai Eksekutif
AEON Retail Malaysia

Yang Berusaha Dr. Alauddin bin Sidal,
Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)
KPDNHEP

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kerajaan Pusat dan Negeri,

Peniaga dan penyewa Pusat Membeli-Belah AEON,

Rakan-rakan media,

Dato'-Dato' Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, yang dihormati sekalian.

1. Kehadiran kita pada hari ini adalah merupakan detik bersejarah sekurang-kurangnya kepada Kumpulan AEON Malaysia di pelancaran Kempen AEON 626 melalui platform baharu myaeon.com.my iaitu platform membeli-belah AEON.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak AEON kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Kempen AEON 626 melalui platform myaeon.com.my. Saya percaya program sebegini adalah sesuatu yang agak baharu kerana perlu dilakukan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi mengekang penularan COVID-19.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri berhubung dengan Pembukaan Semula Ekonomi bermula pada 4 Mei 2020, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memainkan peranan utama dalam memastikan ekonomi domestik terus kekal berdaya saing serta mampu mengharungi cabaran COVID-19. Pada minggu yang sudah iaitu pada 9 Jun 2020, SOP berkaitan dengan sektor gunting rambut “hair dresser” dan salon kecantikan telah mula beroperasi. KPDNHEP sedang meneliti beberapa industri lain yang masih belum beroperasi agar mereka turut boleh beroperasi dengan mengikuti SOP yang akan ditetapkan kelak. Ini bagi membantu mereka untuk terus kekal dalam suasana yang mencabar ini.
4. Untuk makluman semua juga, dengan proses normalisasi semula ekonomi ini adalah menjadi keutamaan KPDNHEP ingin untuk terus-menerus memaklumkan bahawa **waktu operasi untuk sektor**

peruncitan terutamanya, telah kembali normal. Waktu ini hanya tidak terpakai kepada kawasan yang masih berzon merah. Sehubungan itu, saya mengharapkan **kerjasama semua pihak agar dapat memastikan waktu operasi ini kekal seperti sedia kala** bagi memberi ruang kepada sektor peruncitan untuk kembali pulih.

5. Pada masa yang sama, Kerajaan turut mengarahkan KPDNHEP untuk merangka satu **kempen jualan di peringkat nasional** bagi meningkatkan jualan sektor peruncitan. Perkara ini sedang diperhalusi oleh pegawai Kementerian dan saya percaya sedikit masa lagi satu pengumuman dan pelancaran berkaitan inisiatif tersebut akan dilakukan.
6. Kementerian juga ingin memaklumkan bahawa usaha sedang dibuat bagi mengkaji SOP berkaitan dengan “fitting room”. Saya percaya satu pengumuman berkaitan dengan perkara tersebut akan turut dibuat setelah mendapat kelulusan Kerajaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Usaha yang dilakukan oleh Kumpulan AEON adalah sesuatu yang perlu diberi pujian serta galakan. Pelan Strategik e-Dagang Kebangsaan (National e-Commerce Strategic Roadmap – **NESR**) telah dibangunkan pada 2016. Antara KPI yang perlu dicapai adalah kadar penerimaan atau penggunaan e-dagang sebagai satu platform alternative utama. Namun kadar ini agak perlahan. COVID-19 adalah sesuatu yang kita tidak ingini namun antara perkara baik yang berlaku disebalik COVID-19 adalah kadar penerimaan transaksi e-dagang dan seumpamanya melonjak naik. Sebagai contoh, pedagang dan peruncit telah mula mendaftar dengan “market place”. Sepanjang PKP1 hingga PKP3, kadar pendaftaran ke “market place” adalah hampir **100 pedagang dan peruncit sehari**.

8. Sehubungan itu, KPDNHEP melihat usaha Kumpulan AEON melancarkan myaeon.com.my adalah satu langkah yang amat bertepatan. Malahan apa yang dilaksanakan oleh Kumpulan AEON sebenarnya telah membuka lembaran baharu terutamanya dalam konteks e-dagang di Malaysia.
9. Inisiatif Kempen AEON 626 melalui myaeon.com.my sudah semestinya akan memberi manfaat terutamanya kepada penyewa dan peruncit di Pusat Membeli-Belah AEON. Antara manfaat yang akan diperolehi adalah:
 - (i) Peniaga ini sudah pastinya akan mendapat **peluasan capaian pasaran** melalui myaeon.com.my. AEON sendiri adalah suatu jenama yang sudah dikenali di Malaysia maka ia seolah-olah akan menjadi satu lagi alternative kepada “market place” sedia ada;
 - (ii) **Kos operasi dapat dirasionalisasikan** kerana perkhidmatan yang diperolehi melalui myaeon.com.my adalah **percuma**. Peniaga dan penyewa tidak perlu mengeluarkan **kos pembangunan serta penyelenggaraan** platform e-dagang kerana ia telah dibangunkan sendiri oleh kumpulan AEON. Secara tidak langsung ini adalah **“added value”** kepada nilai sewaan premis yang telah dibayar oleh peniaga dan penyewa.
10. Inisiatif oleh Kumpulan AEON ini juga membuka lembaran baharu dalam konteks peruncitan di Malaysia. Malahan berani saya katakan bahawa ia mungkin **yang pertama di Malaysia, dalam konteks pusat membeli-belah**. Apa yang saya maksudkan adalah **“seamless interaction” di antara pelbagai platform samada bersifat fizikal mahupun digital**. Ia

adalah **“Omni-channel”**. “Omni-channel” bermaksud pengalaman membeli-belah itu adalah pelbagai dan hubungannya adalah efisien dan efektif. Sebagai contoh, rakyat Malaysia masih ingin memegang atau melihat produk tersebut namun ketiadaan “Omni-channel” menyukarkan pengguna untuk membuat transaksi dimana-mana mereka berada dan pada bila-bila masa. Namun dengan adanya konsep “Omni-channel” ini saya percaya kaum ibu akan mudah untuk membeli barang-barang keperluan dapur kelak kerana pelbagai bentuk pilihan interaksi diberikan oleh Kumpulan AEON. Sekali gus, ini turut memberi manfaat kepada peniaga dan penyewa di setiap pusat membeli-belah AEON. Saya percaya, selepas ini isu ketiadaan stok disesuatu premis tidak lagi timbul kerana stok tersebut mungkin boleh dihantar daripada mana-mana lokasi premis AEON terdekat.

11. Adalah menjadi harapan saya agar usaha ini akan menjadi satu lagi usaha oleh pihak industri untuk memperkenalkan inovasi dalam model perniagaan mereka. Inovasi ini perlu digalakkan kerana bukan sahaja ia akan memberi manfaat kepada pemain industri tetapi juga kepada pengguna. **Pengalaman membeli-belah akan menjadi lebih pelbagai dan akhirnya ada “value for money”**.
12. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan turut sama menjayakan inisiatif ini.
13. Suka cita saya merasmikan Kempen AEON 626 melalui myaeon.com.my. Sekian, terima kasih.